

27/09/2000

Chanel warnai malam Gala Riben Merah 2000

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

BUAT kali keduanya, Yayasan Aids Malaysia (YAM) akan menganjurkan malam Gala Riben Merah 2000 pada 30 September ini, satu acara eksklusif yang menggabungkan fesyen dan hiburan untuk tujuan mengutip derma.

Majlis kali kedua itu akan diadakan di Hotel Mandarin Oriental dan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selain menyampaikan Anugerah Riben Merah kepada media, malam itu juga akan dihiasi suasana anggun dan bergaya apabila buat pertama kalinya, jenama fesyen terkenal, Chanel, akan turut mempersembahkan pertunjukan fesyen koleksi Musim Luruh 2000/2001 di negara ini.

Dalam pertunjukan fesyen kali ini, Chanel akan mempamerkan rekaan terbaru bersama 76 modelnya.

Pereka fesyen bagi koleksi ini tak lain daripada pereka fesyen Chanel ulung, Karl Lagerfeld. Beliau akan menampilkan beberapa rekaan anggun tetapi masih ringkas dipakai wanita kontemporari.

Seperti seluar ketat hingga ke lutut yang dipadankan baju musim luruh berwarna kelabu, rekaan ini pasti sesuai bagi wanita ranggi yang inginkan kelainan.

Selain rekaan pakaian, Chanel juga turut menyelitkan beberapa aksesori yang bersesuaian dengan fesyen yang dikenakan seperti stoking bertatu yang dipadankan dengan but tinggi, tas tangan dan gelang tangan Chanel.

Biarpun negara kita tidak mempunyai musim luruh seperti negara Barat, namun, tidak salah rasanya untuk kita menerokai fesyen unik ini terutama untuk tujuan murni bagi mengutip derma.

Bagi mereka yang ingin merasai malam gala berprestij, inilah peluang bagi anda menikmatinya sambil menghulurkan bantuan kepada usaha membanteras epidemik HIV/Aids di negara ini.

Sumbangan anda ini pastinya tidak akan menghampakan kerana selain pertunjukkan fesyen, banyak acara lain yang akan diadakan termasuk acara lelong barangan berjenama.

Bak kata penganjur, Pengerusi YAM, Datin Paduka Marina Mahathir: "Untuk mengekalkan standard tinggi Gala Riben Merah dan untuk memastikan acara ini menjadi sesuatu yang berkualiti dan berprestij, YAM telah membina hubungan kerja dengan syarikat yang mempercayai dan mempromosikan standard sedemikian."

Syarikat-syarikat itu yang juga penaja utamanya ialah Chanel, Hotel Mandarin Oriental Kuala Lumpur, Bvlgari dan Malaysian Tatler.

Orang ramai atau syarikat yang ingin menempah tiket bagi gala itu, boleh menghubungi Indra Nadhatram di talian 03-40451033.

(END)